



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN**

PERATURAN 7(a)

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (M.13-14 EB.15)
(AUDIOLOGY)**

**KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 05 FEBRUARI 2025
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 19 FEBRUARI 2025
BILANGAN IKLAN: 2025/JAN/05/KKS**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.
- (E) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (F) Hanya pemohon yang memenuhi syarat KELAYAKAN MINIMUM akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (AUDIOLOGY)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Audiology* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh lembaga-lembaga Profesional kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan lembaga-lembaga profesional kesihatan jika diperlukan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengemaskinikan pengetahuan dalam bidang Audiologi dengan menghadiri taklimat, kursus, seminar, bengkel, di peringkat antarabangsa mahupun dalam negeri;
2. Memberi rehabilitasi kepada pesakit-pesakit yang mengalami masalah pendengaran dan keseimbangan;
3. Bekerjasama dengan ahli-ahli profesional kesihatan yang lain mengenai kesihatan pesakit;
4. Mengikuti perjumpaan perklinikan atau perjumpaan *multi-disciplinary* mengenai penjagaan pesakit;
5. Bertanggungjawab dalam pengawasan stok dan inventori peralatan Audiologi;
6. Sebagai *leader* dan *developer* kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawab;
7. Menjalankan tugas diagnostik bagi ujian Program Saringan Pendengaran Anak Damit;
8. Menjalankan kerja pentadbiran sepertimana yang diarahkan;



9. Menyampaikan kuliah atau pembelajaran Audiologi kepada pesakit atau orang awam jika diperlukan;
10. Memberi perkhidmatan di daerah / hospital lain sebagaimana yang diperlukan;
11. Menjalankan ujian komprehensif bagi mengenal pasti dan mengurus masalah pendengaran, kesimbangan dan masalah-masalah berkaitan dengan telinga;
12. Memberi pengawasan, bantuan dan latihan kepada pengkaji dengar, jururawat dan penuntut-penuntut;
13. Terlibat dalam mengadakan pameran, seminar, projek dan aktiviti-aktiviti sepertimana yang diperlukan; dan
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diarahkan dari semasa ke semasa.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:**

Alamat	:	BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BE3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Emel	:	recruitment.ahp@moh.gov.bn
No.Tel	:	2383020